

# Malaysia akan terus sokong usaha baik PBB

25 OCT 1985

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Malaysia akan terus menyokong sebarang usaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mendatangkan manfaat bersama.

Jaminan itu diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada Setiausaha Agung badan dunia itu, Encik Javier

Perez de Cuelar, ketika merasmikan perayaan ulang tahun ke-40 PBB di bangunan Parlimen di sini hari ini.

Serentak itu, Perdana Menteri meminta semua anggota PBB supaya berpegang kepada satu sikap dan pandangan baru, terutama bagi mengatasi krisis antarabangsa di masa depan.

Datuk Seri Dr Ma-

hathir berkata, negara-negara anggota PBB bertanggungjawab memastikan badan dunia itu dapat berfungsi dan tidak lumpuh.

Katanya, sokongan berterusan daripada semua anggota adalah unsur penting bagi membolehkan badan dunia itu mencapai kemajuan.

"Saya berpendapat, jika badan dunia ini gagal dalam usahanya untuk menjamin keamanan dan keharmonian di dunia, negara-negara anggotalah yang harus disalahkan kerana tidak sanggup berpegang kepada piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan tidak mahu menerima keputusan yang dibuat olehnya," tegasnya.

Perdana Menteri juga kesal kerana masih ada di kalangan anggota PBB yang membezakan taraf masing-masing iaitu antara yang kaya dan miskin, yang lemah dan kuat serta yang maju dan mundur.

"Dengan pembahagian atau perbezaan itu, akhirnya negara-negara di dunia ini tidak dapat mengelakkan diri mereka daripada ketegangan dan perbalahan," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, anggota-anggota PBB mestilah sedar bahawa di samping berbangga dengan kemajuan teknologi, sistem perhubungan dan beberapa bidang lain, mereka masih gagal mengatasi kemiskinan dan kebuluran yang berleluasa di beberapa negara anggota.

Oleh itu, sempena sambutan ulang tahun pertubuhan PBB, Perdana Menteri mengajak negara-negara anggota menghormati prinsip-prinsip yang terkandung di dalam piagam badan dunia itu.